

SULIT
3766/1
PERNIAGAAN
NOVEMBER
2022
1 ¼ JAM
4

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022

PERNIAGAAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

(Tingkatan 5)

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Jawab semua soalan.
2. Hitamkan jawapan anda dalam borang OMR yang diberikan.

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak termasuk muka depan

Jawab semua soalan

1. Pernyataan manakah yang merupakan ciri kehendak manusia?
 - A Mudah dipenuhi
 - B Hidup lebih selesa
 - C Mempunyai batasan
 - D Sama untuk semua individu

2. Di antara yang berikut, yang mana BUKAN Konsep Asas Perniagaan?
 - A Kontrak Jual beli
 - B Pertukaran Nilai
 - C Penjual dan Pembeli
 - D Barang dan Perkhidmatan

3. Antara berikut, yang manakah benar tentang tujuan perniagaan?
 - A Untuk memajukan perniagaan
 - B Menawarkan barang dan perkhidmatan
 - C Mendapatkan keyakinan daripada pelabur
 - D Membantu golongan yang kurang berkemampuan

4. Apakah tujuan setiap perniagaan menyediakan barangan dan perkhidmatan?
 - A Meningkatkan imej perniagaan
 - B Meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - C Menjalankan penyelidikan dan perkhidmatan
 - D Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna


5. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sejenis milikan perniagaan

- | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none">• Modal diperoleh daripada simpanan pemilik sendiri• Pemilik sendiri yang menguruskan perniagaan |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?

- A Milikan tunggal
- B Perkongsian
- C Syarikat
- D Koperasi

6. Gambar di bawah berkaitan dengan milikan perniagaan



Gambar 1



Gambar 2

Apakah perbezaan milikan perniagaan tersebut?

- A Mudah ditubuhkan
- B Cukai yang rendah
- C Bebas menguruskan perniagaan
- D Perniagaan yang tidak berterusan

7.



Gambar 3

Pernyataan manakah yang menerangkan perniagaan di atas?

- I Berskala global
 - II Perniagaan bersaiz besar
 - III Terlibat dalam sektor kedua
 - IV Menyediakan perkhidmatan langsung
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8. Maklumat di bawah ini menunjukkan dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Gambar 4

Antara yang berikut, manakah yang merupakan bidang kuasa pihak-pihak di atas?

- I Menggubal undang-undang kecil berkaitan perniagaan
 - II Mendaftar dan mengawal selia semua pemaju perumahan tempatan
 - III Merangka dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan setempat
 - IV Menguatkuasakan semua undang-undang jalan raya di sesuatu kawasan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
9. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu keadaan ekonomi.

Berlaku apabila seseorang pekerja bekerja dalam jangka masa pendek pada setiap tahun. Apabila pekerjaan telah tamat, pekerja terpaksa mencari pekerjaan yang lain.

Apakah jenis pengangguran yang berlaku di atas?

- A Pengangguran berstruktur
 - B Pengangguran bermusim
 - C Pengangguran teknologi
 - D Pengangguran kitaran
10. Maklumat yang berikut menunjukkan dasar-dasar yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan pusat.

- Dasar fiskal
- Dasar kewangan

Mengapa kerajaan melaksanakan dasar-dasar tersebut?

- A untuk menjamin keadaan ekonomi yang stabil
- B untuk menggalakkan import
- C untuk mengurangkan aliran masuk mata wang asing
- D untuk meningkatkan permintaan barangan keluaran tempatan

11. Apakah maksud visi?
- Visi merupakan satu perancangan jangka panjang di dalam sesebuah organisasi
 - Visi merupakan satu perancangan jangka pendek di dalam sesebuah organisasi
 - Visi merupakan satu ketetapan menjelaskan aktiviti organisasi yang akan dilaksanakan untuk mencapai visi
 - Visi menyatakan maklumat tentang tujuan perniagaan dengan tepat dan khusus
12. Pernyataan objektif “Keuntungan meningkat sebanyak 30% dalam tempoh 2 tahun.” Nyatakan SMART yang ada dalam pernyataan objektif.
- Boleh diukur dan spesifik
 - Munasabah dan jangka masa
 - Boleh diukur dan jangka masa
 - Munasabah dan boleh diukur
13. Apakah kesan negatif yang wujud jika sesebuah perniagaan tidak membentuk objektif perniagaan yang sesuai?
- Berlaku kerugian
 - Sumber tidak diagih dengan betul
 - Wawasan perniagaan tidak dapat dicapai
 - Perniagaan tidak berada pada landasan yang betul
14. Mengapakah Syarikat Ummah Berhad perlu mempunyai daya saing yang tinggi dalam memasarkan produk makanan halal di Malaysia?
- Dapat kekal dalam pasaran makanan halal
 - Mengekalkan pelanggan makanan halal
 - Terus menikmati keuntungan dalam industri makanan halal
 - Perniagaan kekal mendapat pulangan modal sahaja
15. Mengapakah peningkatan jumlah pelaburan menyebabkan objektif organisasi perniagaan perlu diubah?
- Sasaran pengeluaran perlu ditingkatkan supaya tidak berlaku pembaziran sumber
 - Perlu memberi kadar dividen yang tinggi kepada pemegang saham
 - Gaji pekerja perlu ditingkatkan untuk memberi motivasi
 - Berlaku peningkatan permintaan produk
16. Apakah maksud struktur organisasi ?
- Struktur jawatan pihak atasan
 - Struktur pengagihan tugas pekerja
 - Sistem pembahagian jawatan dan tugas dalam organisasi
 - Susun atur dan interaksi yang wujud antara setiap bahagian fungsian
17. Antara yang berikut, manakah yang menunjukkan peranan bahagian fungsian pengeluaran?
- Membuat pesanan pembelian
 - Mencari pembekal yang sesuai
 - Memenuhi keperluan dan kehendak
 - Menghasilkan barang dan perkhidmatan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

18. Maklumat berikut berkaitan dengan kelebihan penggunaan teknologi maklumat.

Sesebuah syarikat dapat mengembangkan pasarannya ke pasaran antarabangsa dengan adanya teknologi maklumat

Bagaimanakah teknologi maklumat dapat membantu sesebuah perniagaan?

- A Mempercepatkan proses pengeluaran barang
- B Mengedarkan risalah secara besar-besaran
- C Memastikan produk yang dihasilkan mengikut standard yang betul
- D Mempromosikan melalui laman web untuk memperkenalkan barang

19. Bagaimanakah interaksi dengan pihak bank membantu perniagaan mengatasi masalah operasi pengeluaran?

- A Mengatasi masalah kekurangan modal kerja
- B Memudahkan urusan pembayaran perniagaan
- C Memudahkan perniagaan membayar bil dan gaji pekerja
- D Memudahkan perniagaan menyimpan wang dengan selamat

20. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kebaikan perniagaan kecil berbanding dengan perniagaan besar?

- A Terdapat staf yang ramai bekerja dalam organisasi
- B Terdapat banyak bahagian fungsian dalam organisasi
- C Proses komunikasi yang mengambil masa yang lama
- D Pengurus mudah menjalankan tugas memantau aktiviti staf

21. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?

- A Usaha untuk membina imej baik organisasi
- B Usaha untuk membangun tenaga kerja dalam organisasi
- C Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan
- D Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi

22. Antara yang berikut, manakah fungsi ganjaran kepada pekerja?

- I Untuk menaikkan imej
 - II Untuk mewujudkan kesetiaan
 - III Untuk meningkatkan motivasi
 - IV Untuk mengurangkan tekanan kerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23. Encik Salleh bekerja sebagai jurutera di sebuah kilang. Apakah potongan wajib ke atas gaji yang beliau terima?
- I Bayaran skim insurans
 - II Caruman kepada KWSP
 - III Caruman kepada PERKESO
 - IV Bayaran ansuran pinjaman perumahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
24. Manakah merupakan sumber fizikal sebuah syarikat pengiklanan?
- A Pekerja mahir
 - B Bahan mentah
 - C Kilang dan mesin
 - D Bangunan dan kemudahan
25. Pernyataan manakah yang **benar** tentang tujuan penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi?
- A Memastikan bahan mentah selamat digunakan
 - B Mengurangkan kecacatan dan kerosakan pada stok
 - C Memanjangkan jangka hayat penggunaan produk siap
 - D Meminimumkan kos operasi dan perbelanjaan organisasi
26. Bagaimanakah perniagaan melindungi sumber teknologi?
- A Memohon kelulusan daripada SIRIM
 - B Memohon lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - C Mendaftar paten dan hak cipta terpeliharaan dengan pihak MyIPO
 - D Mendaftar paten dan hak cipta terpelihara dengan syarikat insurans
27. Syarikat Penerbitan Berjaya memohon hak cipta terpelihara bagi beberapa karya yang diterbitkan. Apakah tujuan syarikat tersebut berbuat demikian?
- A Mendapatkan hak perundangan ke atas ciptaan mereka
 - B Mendapatkan kebenaran untuk mencetak karya syarikat
 - C Mendapatkan kelulusan untuk menjual harga diskaun
 - D Mendapatkan kebenaran memasarkan karya syarikat ke luar negara
28. Manakah kelemahan sumber pembiayaan luaran daripada bank atau institusi kewangan?
- A Modal terhad
 - B Jumlah pinjaman yang terhad
 - C Memerlukan cagaran dalam bentuk harta
 - D Sukar menambah modal dalam masa yang singkat

29. Gambar di bawah menunjukkan suatu jenis bank.



Gambar 5

Manakah yang diperlukan semasa membuat permohonan pembiayaan daripada agensi berkenaan?

- I Salinan bil utiliti
 - II Lesen perniagaan
 - III Salinan kad pengenalan
 - IV Salinan lesen pihak berkuasa tempatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
30. Apakah maklumat yang terkandung dalam penyata kewangan?
- I Potensi perniagaan
 - II Kelemahan perniagaan
 - III Keuntungan perniagaan
 - IV Kedudukan ekuiti perniagaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
31. Perniagaan membayar sewa kilang pada setiap bulan. Apakah jenis kos yang terlibat?
- A Kos tetap
B Kos berubah
C Kos jualan
D Kos belian
32. Peratusan margin untung bersih Syarikat KMK Berhad semakin meningkat. Apakah kesimpulan anda?
- A Pengurusan operasi syarikat yang cekap
B Syarikat mengurangkan jualan secara hutang
C Syarikat meningkatkan pembelian secara kredit
D Syarikat menggunakan aset bukan semasa dengan cekap
33. Siapakah memiliki ciri-ciri kreatif dan inovatif?
- A Perniagaan Mutiara giat meneroka pasaran baharu
B Encik Harun tabah menghadapi risiko perniagaan
C Cik Shuhadah mengeluarkan produk mengikut keperluan pelanggan
D Encik Lai mengeluarkan produk sarapan pagi baharu yang mementingkan kesihatan

34. Antara yang berikut, manakah merupakan ciri-ciri usahawan?

- I Fleksibel
 - II Berani untuk gagal
 - III Mementingkan diri
 - IV Kreatif dan inovatif
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

35. Maklumat berikut menunjukkan agensi kerajaan dan badan berkanun

- | |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none">• Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)• SME Corporation Malaysia (SME Corp) |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah bantuan profesional yang disediakan oleh agensi kerajaan dan badan berkanun tersebut?

- A Kewangan
- B Ruang Niaga
- C Penyelidikan
- D Khidmat nasihat

36. Apakah kepentingan menyimpan dokumen perniagaan?

- A Tujuan pembayaran gaji pekerja
- B Kegunaan pendaftaran perniagaan
- C Mengingatkan peniaga tentang stok dalam perniagaan
- D Sebagai sumber rekod dalam penyediaan akaun perniagaan

37. Akta manakah yang mengawal pendaftaran sesebuah perniagaan yang menggabungkan ciri-ciri sebuah syarikat dan perkongsian konvensional?

- A Akta Syarikat 2016
- B Akta Koperasi 1993
- C Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- D Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012

38. Dokumen X ialah dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan atau projek yang hendak dijalankan secara menyeluruh. Apakah dokumen X?

- A Rancangan kualiti
- B Rancangan operasi
- C Rancangan pengurusan
- D Rancangan perniagaan

39. Antara yang berikut, yang manakah terkandung dalam objektif projek dalam sesebuah rancangan perniagaan?

- I Sasaran pelanggan
 - II Sasaran aset
 - III Sasaran belian
 - IV Sasaran untung
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

40. Antara yang berikut, yang manakah merupakan elemen dalam rancangan pemasaran?
- I Maklumat pembekal
 - II Keperluan pelanggan
 - III Campuran pemasaran
 - IV Potensi untuk meluaskan perniagaan
- A I,II dan III
 - B I,II dan IV
 - C I,III dan IV
 - D II,III dan IV

-----**KERTAS SOALAN TAMAT**-----

